



SIARAN AKHBAR

TAKLIMAT PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Hari Rabu, 4 Rabiulawal 1442H bersamaan 21 Oktober 2020M

Bandar Seri Begawan – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Jabatan Biro Mencegah Rasuah telah mengadakan taklimat mengenai pencegahan rasuah pada pagi Hari Rabu, 21 Oktober 2020 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Taklimat telah dihadiri oleh lebih 100 pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah beramai-ramai. Majlis kemudian diteruskan dengan Taklimat Pencegahan Rasuah yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Hisham bin Haji Sulaiman, Pemangku Ketua Penyiasat Khas, Jabatan Biro Mencegah Rasuah.

Antara lain tujuan taklimat diadakan adalah bagi memberikan pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya khususnya yang berkaitan dengan isu-isu yang boleh menyalahi akta dan peraturan Biro Mencegah Rasuah dan intergriti dalam perkhidmatan awam, disamping bagi meningkatkan kesedaran mengenai bahaya serta risiko perbuatan rasuah yang boleh merosakkan akhlak dan juga negara.

KSSUP telah merancang beberapa siri taklimat yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasa di Negara ini sebagai salah satu inisiatif Kementerian dalam menanamkan kesedaran dikalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan untuk sentiasa melaksanakan segala tugas dengan jujur, amanah, ikhlas serta bertanggungjawab.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 21 Oktober 2020